



05-4506832



[pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## APLIKASI SENI UKIRAN MELAYU DALAM SENI BINA SURAU KAYU DI BESUT, TERENGGANU

AMIRAH BINTI ABAS



05-4506832



[pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI) MOD  
PENYELIDIKAN

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



[pustaka.upsi.edu.my](http://pustaka.upsi.edu.my)



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep seni ukiran Melayu pada seni bina Surau Kayu di Besut. Fokus kajian adalah untuk mengkaji elemen-elemen seni ukiran Melayu di Surau Kayu. Penyelidik membuat penilaian terhadap penerimaan dan penggunaan seni warisan. Kajian kes yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif bagi menjelaskan objektif kajian secara menyeluruh dan menjawab persoalan kajian. Kaedah pemerhatian terhadap seni bina surau ini dijalankan berdasarkan elemen-elemen yang telah disarankan oleh Sabrizaa iaitu kaedah kod 'S' iaitu nama objek, motif, jenis ukiran, komposisi, reka corak, pola, punca, kod bunga, kod daun dan komponen ukiran. Komponen-komponen tersebut dikenalpasti pada lokasi-lokasi di surau kayu ini. Temubual dijalankan di balai seni ukir di mana penyelidik menemubual pengukir dan tokoh pengukir. Kesimpulannya, kajian menunjukkan Surau Kayu merupakan seni bina berinspirasi seni bina rumah tradisi Terengganu dan gaya aliran seni ukiran yang diterapkan pada seni bina ini adalah berasaskan elemen-elemen seni ukiran Melayu. Implikasinya, hasil kajian ini diharapkan boleh menjadi sumber rujukan terhadap perkembangan seni ukiran Melayu khususnya seni bina surau atau masjid di Terengganu. Ia juga diharapkan dapat menyumbang kepada dokumentasi, nilai-nilai estetik pada seni bina warisan surau atau masjid dan dapat memberi pengetahuan kepada pelajar serta generasi muda untuk menghargai seni warisan Melayu.





## ABSTRACT

This research aims to identify the concept of Malay carving arts in Surau Kayu architecture in Besut. The focus of research was to study the Malay carving art elements at Surau Kayu. Researcher evaluating the acceptance and usage of arts heritage. The case study was carried out by using a qualitative approach to explain the overall objectives and answer the research questions. Observation technique towards this mosque's architecture was carried out based on elements that have been suggested by Sabrizaa which is 'S' code method that indicates object name, motif, types of engraving, composition, designs, pattern, primer, flower code, leaves code, and engraving component. These components were identified in few locations around this mosque. Interviews were carried out at the hall sculpture where researcher interviewed sculptor and engraver figures. For the conclusion, the study shows that the architecture concept of Surau Kayu was inspired by Terengganu traditional house and the flow style implemented in this architecture was based on Malay carving arts elements. The implication of the research is hope to be useful as a source of revision towards the development of Malay architecture especially mosque architecture in Terengganu. It is also hope to contribute towards documentation, aesthetic values for mosque's architectural heritage, and provide knowledge for the students and young generations to appreciate Malay heritage.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                |     |
|----------------|-----|
| PERAKUAN       | ii  |
| PENGHARGAAN    | iii |
| ABSTRAK        | iv  |
| ABSTRACT       | v   |
| KANDUNGAN      | vi  |
| SENARAI GAMBAR | x   |
| SENARAI JADUAL | xi  |
| SENARAI RAJAH  | xii |

### BAB 1      PENGENALAN

|     |                       |    |
|-----|-----------------------|----|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 1  |
| 1.2 | Permasalahan kajian   | 6  |
| 1.3 | Objektif kajian       | 9  |
| 1.4 | Persoalan kajian      | 9  |
| 1.5 | Kepentingan Kajian    | 10 |
| 1.6 | Kerangka Kajian       | 12 |

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

|       |                                                       |    |
|-------|-------------------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                            | 13 |
| 2.2   | Sejarah Seni Ukirann Melayu                           | 14 |
| 2.2.1 | Seni Ukiran Satu Perlambangan Budaya<br>Di Terengganu | 18 |
| 2.2.2 | Reka Corak Ukiran Melayu                              | 20 |
| 2.3   | Falsafah Seni Ukiran                                  | 30 |
| 2.4   | Seni Bina Rumah Melayu                                | 32 |
| 2.4.1 | Jenis-Jenis Rekabentuk Rumah Melayu                   | 36 |
| 2.5   | Seni Bina Islam                                       | 39 |
| 2.5.1 | Dekorasi Dalam Seni Bina Islam                        | 41 |
| 2.6   | Rekabentuk Seni Bina Masjid                           | 42 |

## **BAB 3 METODOLOGI**

|     |                                        |    |
|-----|----------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan                             | 46 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian                     | 48 |
| 3.3 | Prosedur Dan Proses Pengumpulan Data   | 49 |
| 3.4 | Jenis Data Dan Sumber Data             | 50 |
| 3.5 | Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data     | 51 |
| 3.6 | Prosedur Dan Proses Penganalisaan Data | 55 |

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|       |                                                 |    |
|-------|-------------------------------------------------|----|
| 4.1   | Pengenalan                                      | 57 |
| 4.2   | Latar Belakang Surau Kayu Di Besut              | 58 |
| 4.3   | Aplikasi Seni Ukiran Dalam Seni Bina Surau Kayu | 60 |
| 4.3.1 | Motif Ukiran                                    | 60 |
| 4.3.2 | Jenis Ukiran                                    | 64 |
| 4.3.3 | Komposisi                                       | 67 |
| 4.3.4 | Rekacorak                                       | 67 |
| 4.3.5 | Pola Ukiran                                     | 68 |
| 4.3.6 | Punca                                           | 69 |

|     |                  |    |
|-----|------------------|----|
| 4.4 | Hasil kajian kes | 74 |
|-----|------------------|----|

## **BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

|     |                |    |
|-----|----------------|----|
| 5.1 | Rumusan Kajian | 75 |
| 5.2 | Kesimpulan     | 78 |
| 5.3 | Cadangan       | 81 |

|         |    |
|---------|----|
| RUJUKAN | 83 |
|---------|----|

|          |  |
|----------|--|
| LAMPIRAN |  |
|----------|--|

## SENARAI GAMBAR

|      |                                                                                                                    |    |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 2.1  | Motif Itik Pulang Petang                                                                                           | 17 |
| 2.2  | Pola badar mudik                                                                                                   | 17 |
| 2.3  | Hulu Keris Tajong                                                                                                  | 18 |
| 2.4  | Hulu Keris Kelantan                                                                                                | 18 |
| 2.5  | Pola bujang motif bunga matahari                                                                                   | 22 |
| 2.6  | Pola bujang motif parang rosak                                                                                     | 22 |
| 2.7  | Pola pemedang motif geometri                                                                                       | 22 |
| 2.8  | Pola Pemedang Pagar Tanglung                                                                                       | 22 |
| 2.9  | Pola Lengkap Motif Pokok Kerak Nasi                                                                                | 23 |
| 2.10 | Motif burung Gagak Sura                                                                                            | 26 |
| 2.11 | Motif Pucuk Rebung                                                                                                 | 27 |
| 2.12 | Motif Pucuk Kacang                                                                                                 | 27 |
| 2.13 | Ukiran Kaligrafi                                                                                                   | 28 |
| 2.14 | Hiasan Di Atas Pinti Tengku Bendahara                                                                              | 28 |
| 2.15 | Pola Pemedang                                                                                                      | 29 |
| 2.16 | Bentuk Geometri Pada Masjid Dan Surau                                                                              | 29 |
| 2.17 | Rumah Tradisional Kedah                                                                                            | 29 |
| 2.18 | Dinding pelupuh arah tebar layar, pada sebuah rumah bujang di Kompleks Muzium Terengganu, Losong, Kuala Terengganu | 34 |
| 2.19 | Tingkap berukir yang memakai kekisi pada sebuah rumah berusia tua di Kg. Seri Lemak, Rembau, Negeri Sembilan       | 34 |
| 2.20 | Tiang gantung untuk tambahan di bahagian ruang serambi, di Kg. Lubuk Cina, Negeri Sembilan.                        | 34 |
| 2.21 | Kedudukan sendi tiang dan dinding berukir pada rumah                                                               |    |

|      |                                                                                                       |    |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
|      | berusia tua di Kg. Seri Lemak, Rembau, Negeri Sembilan.                                               | 34 |
| 2.22 | Istana Kenangan terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Sekarang istana ini dijadikan Muzium | 36 |
| 2.23 | Seni Bina Rumah Potong Belanda                                                                        | 36 |
| 2.24 | Seni Bina Rumah Limas Bungkus.                                                                        | 37 |
| 2.25 | Seni Bina Rumah Bujang Berserambi Selasar                                                             | 38 |
| 2.26 | Masjid Tua Kampung Laut di tapak baru di Nilam Puri, Kota Bharu                                       | 44 |
| 2.27 | Struktur masjid tua Kampung Laut                                                                      | 44 |
| 2.28 | Perbandingan beberapa buah masjid atap tumpang dalam skala yang sama                                  | 44 |
| 2.29 | Masjid Kubor Masjid Jamek Muar yang pertama yang dibina sekitar 1884 dan 1887.                        | 45 |
| 2.30 | Kubah potong bawang dan bulan bintang, simbol terunggul dalam semua masjid di dunia                   | 46 |
| 4.1  | Seni Bina Surau Kayu                                                                                  | 59 |
| 4.2  | Motif unsur kosmos                                                                                    | 63 |
| 4.3  | Pintu Gerbang Surau Kayu                                                                              | 65 |
| 4.4  | Ukiran Jenis Timbul                                                                                   | 65 |
| 4.5  | Ukiran Jenis Timbul yang dihasilkan dalam komposisi menegak.                                          | 65 |
| 4.6  | Ukiran Jenis Tebuk Tembus dalam komposisi melintang                                                   | 65 |
| 4.7  | Pintu masuk surau bahagian perem                                                                      | 66 |
| 4.8  | Ukiran tebuk tembus pada atas pintu masuk surau                                                       | 66 |
| 4.9  | Ukiran timbul berbentuk gunung dalam komposisi Menegak                                                | 66 |
| 4.10 | Ukiran Tebuk Tembus pada dinding surau                                                                | 66 |
| 4.11 | Ukiran Tebuk Tembu                                                                                    | 66 |

|      |                                                                                  |    |
|------|----------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.12 | Ukiran Tebuk tembus pada pagar musang di bahagian serambi surau                  | 66 |
| 4.13 | Tingkap Surau Kayu                                                               | 67 |
| 4.14 | Ukiran Tebuk Tembus pada bahagian atas tingkap                                   | 67 |
| 4.15 | Rekacorak awan larat pada pintu gerbang surau                                    | 68 |
| 4.16 | Ukiran pada penggunaan punca dari dua benih                                      | 70 |
| 4.17 | Ukiran awan larat berpasu di dalam panel menegakk dan melintang.                 | 71 |
| 4.18 | Ukiran pintu Gerbang Surau kayu                                                  | 71 |
| 4.19 | Ukiran yang menggunakan motif punca rahsia.                                      | 72 |
| 4.20 | Ukiran motif sulur tak berpunca. Ukiran pada kekisi lubang angin pada Surau Kayu | 72 |
| 4.21 | Ukiran yang menggunakan motif gelang punca                                       | 73 |

## SENARAI JADUAL

|     |                               |    |
|-----|-------------------------------|----|
| 1.1 | Keluasan Daerah di Terengganu | 2  |
| 3.1 | Ringkasan Prosedur Kajian     | 49 |
| 3.2 | Matrik Pengumpulan Data       | 54 |
| 4.1 | Kod bunga dalam Ukiran Melayu | 61 |
| 4.2 | Kod Daun Dalam Ukiran Melayu  | 62 |



## SENARAI RAJAH

|     |                                                 |    |
|-----|-------------------------------------------------|----|
| 1.1 | Kedudukan Negeri Terengganu dalam peta Malaysia | 2  |
| 1.2 | Kerangka konsep kajian                          | 12 |
| 4.1 | Peta kedudukan Surau Kayu                       | 59 |

## SENARAI LAMPIRAN



|    |                                                                |
|----|----------------------------------------------------------------|
| A  | Persekitaran luaran dan dalaman Surau Kayu                     |
| B1 | Bengkel Seni di Desa Ukiran Kayu                               |
| B2 | Balai Seni Ukir Wanpo                                          |
| C  | Ukiran yang terdapat pada senibina masjid di Besut, Terengganu |





## BAB 1

### PENGENALAN




Terengganu Darul Iman merupakan sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ia terletak di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan garisan lintang 4 hingga 5.50. Di bahagian utara dan barat lautnya bersempadan dengan negeri Kelantan manakala di bahagian selatan dan barat daya pula bersempadan dengan negeri Pahang. Keluasan negeri Terengganu ialah kira-kira 12,955 km<sup>2</sup>. (<https://wikipedia/Terengganu>). Terengganu terbahagi kepada 7 daerah iaitu:



**Jadual 1.1:** Keluasan Daerah di Terengganu

|                                   |
|-----------------------------------|
| Kuala Terengganu: 60,654.3 hektar |
| Kemaman: 253,559.9 hektar         |
| Dungun: 273,503.1 hektar          |
| Marang: 66,654.3 hektar           |
| Hulu Terengganu: 387,463.6 hektar |
| Setiu: 130,436.3 hektar           |
| Besut: 123,367.8 hektar           |

Sumber: <https://wikipedia/Terengganu>

**Rajah 1.1:** Kedudukan Negeri Terengganu dalam peta Malaysia

Sumber: [www.google.com/image/petamalaysia](http://www.google.com/image/petamalaysia). Akses: 14/12/2013; 9:00pm

Kegiatan utama negeri Terengganu adalah perikanan yang merupakan kegiatan tradisi rakyat di negeri Terengganu disebabkan kedudukannya yang terletak berhampiran Laut China Selatan. Namun begitu, semenjak terjumpanya petroleum, sumber minyak merupakan penyumbang terbesar kepada hasil pendapatan negeri



Terengganu. Kini, ekonomi negeri Terengganu semakin berkembang maju dan pelancong asing yang berkunjung ke Terengganu juga semakin bertambah. Meskipun penduduknya amat sinonim dengan aktiviti perikanan namun kegiatan ekonomi lain turut berkembang maju terutama kegiatan pertanian, pembuatan kraftangan seperti tembaga, songket, sutera, seni ukiran, batik dan pembuatan bot tradisional. Keunikan seni budaya tradisional dan kreativiti kemahiran seni ukiran warisan penduduk di negeri ini sejak berzaman telah menyumbang kepada industri perlancongan Negeri Terengganu.



dengan kegiatan ukiran kayu. Ini terbukti dengan penubuhan satu pembinaan pusat dinamik perusahaan Kraftangan iaitu dikenali sebagai Desa Ukiran Kayu (DUK). Desa Ukiran Kayu ini adalah manifestasikan kepada “Besut Daerah Ukiran Kayu” yang telah di istiharkan pada 12 Ogos 1999. Desa Ukiran Kayu ini juga dibina adalah sebagai tanda pengiktirafan ke atas pengukir-pengukir yang tersohor di daerah Besut seperti Che Long bin Yusof, Tengku Ibrahim Tengku Wook, Hj. Wan Su Othman, Abdul Rahman Long, Wan Mustaffa Wan Su dan pengukir muda iaitu Norhaiza bin Nordin yang kini sedang aktif menempa nama.

Seni ukiran adalah seni warisan turun menurun yang mempunyai nilai seni yang tidak ternilai harganya. Seni ukiran Melayu merupakan kemahiran hasil kerja tangan dan ketinggian ilmu yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk barangan yang mempunyai unsur seni. Sebelum kedatangan Islam ke rantau ini, unsur-unsur



patung, binatang, makhluk abstrak menjadi motif yang paling digemari tetapi setelah kedatangan Islam, beransur-ansur Islam melarang penggunaan patung dan binatang sebagai motif dalam ukiran kerana bertentangan dengan akidah Islam. Oleh itu, kini seni ukiran sangat terkenal dengan ukiran yang bermotifkan flora, geometrik dan kaligrafi.

Warisan seni ukiran Melayu ini merupakan cabang pertukangan melayu yang tinggi dalam kebudayaan Melayu sehingga ianya terbukti dengan adanya peninggalan binaan rumah, istana dan masjid tradisi lama di Malaysia. Seni bina tradisi itu telah menonjolkan seni ukiran Melayu yang menggambarkan ciri-ciri seni bina tradisi Melayu dan keunikan budaya bangsa Melayu di masa lampau.

Dari sebuah pusat perdagangan utama di masa silam, Terengganu telah mengalami pembangunan pesat yang terserlah pada masa kini setanding dengan bandar-bandar utama yang lain. Pembangunan bandar di Terengganu berbeza dengan bandar-bandar lain kerana permodenannya tetap mengekalkan ciri warisan dan seni bina Islam. Sebagai contohnya adalah pembinaan seni bina masjid dan surau. Terdapat beberapa seni bina masjid lama dan baru yang menjadi tarikan dan mercu tanda negeri Terengganu. Antaranya Masjid Abidin, Masjid Tengku Tengah Zaharah dan terbaru masjid Kristal. Kesemua seni bina masjid ini terletak di Kuala Terengganu. Tidak kurang membanggakan juga di Besut di mana turut terdapat beberapa buah seni bina masjid yang menjadi mercu tanda daerah itu iaitu Masjid Hadhari dan Masjid Ulul Albab.



Kajian ini adalah berasaskan pengaplikasian seni ukiran dalam seni bina Surau Kayu di Besut. Objektif pemilihan seni bina surau ini sebagai tempat kajian adalah kerana pertama seni bina surau ini juga merupakan mercu tanda daerah Besut dengan keunikan seni bina tradisinya. Manakala kedua adalah masjid atau surau merupakan tempat yang menjadi kunjungan para pengunjung setiap hari. Masjid atau surau adalah rumah Allah swt yang dibangunkan menjadi tempat umat Islam mengerjakan solat wajib lima waktu secara berjemaah. Selain masjid, surau juga dijadikan tempat umat Islam beramal secara berkumpulan atau individu. Oleh itu, seni bina surau menjadi pilihan dalam kajian ini. Merujuk kepada statistik, sebanyak 498 buah seni bina masjid yang terdapat di Terengganu dimana 82 buah daripada jumlah tersebut adalah bilangan seni bina yang berlokasi di daerah Besut. Bagi kategori surau pula, sebanyak 1838 buah surau di seluruh negeri Terengganu manakala 294 buah pula adalah seni bina surau di daerah Besut (*Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, 2014*).

Terdapat berlainan jenis rekabentuk bangunan masjid atau surau tetapi setiap rekabentuk bangunannya mempunyai misi dan visi yang sama. Rekabentuk bangunan masjid atau surau kelihatan tersergam indah apabila dihiasi dengan motif seni ukiran yang melambangkan seni warisan budaya Melayu. Hasil pemerhatian akan dijalankan terhadap seni bina surau yang dipilih untuk dijadikan kajian kes penyelidikan. Oleh itu, kajian kes pengaplikasian seni ukiran hanya dijalankan ke atas seni bina Surau Kayu Bandar Jerteh.





Siasatan ke atas pengaplikasian seni ukiran dalam seni bina Surau Kayu ini dijalankan menggunakan ukuran yang disarankan oleh Sabrizaa (2009). Data dianalisis menggunakan kod 'S' dimana kaedah ini digunakan bagi penamaan dan penentuan motif bunga ukiran yang terdapat di Surau Kayu tersebut

## 1.2 Permasalahan Kajian

Penyelidikan terhadap aplikasi seni ukiran dalam seni bina tradisi ini, penyelidik melihat beberapa aspek yang mempersoalkan tentang perkembangan seni ukiran Melayu di Terengganu khususnya di daerah Besut. Dalam menghargai sesebuah karya seni sama ada seni ukiran mahupun seni bina, seseorang itu haruslah mempunyai penghayatan yang mendalam. Penghayatan terhadap karya seni adalah lahirnya dari jiwa yang halus dimana tidak semua manusia dapat merasai setiap makna tersirat dalam karya yang dihasilkan. Kini, penghayatan terhadap seni warisan Melayu ini kurang mendapat perhatian di kalangan generasi muda terutamanya. Ada segelintir yang mempunyai minat tetapi tidak cuba untuk menghayatinya. Sebagai contoh, pelajar tidak diberi peluang untuk memilih bidang seni ukiran ini sebagai tajuk kajian kerja kursus seni visual mereka di sekolah. Manakala bagi pelajar yang diberi kelonggaran untuk memilih bidang ini juga tidak mendapat pendedahan yang mendalam dari segi penghayatan untuk mengolah sesuatu motif. Ini semua adalah disebabkan oleh daya tarikan yang lemah dan kekurangan kefahaman tentang kehidupan yang kreatif. Apabila semua ini berlaku, maka penggunaan terhadap sesuatu kesenian itu akan terjadi tanpa mempunyai apa-apa maksud dan ia hanya dibuat berdasarkan kehendak hati untuk memenuhi syarat semata-mata dan bukannya





melalui jiwa. Penilaian terhadap nilai-nilai estetik serta falsafah seni ukiran juga tidak diutamakan dan tiada pendedahan serta pengetahuan mengenai bahan dan elemen seni ukiran yang bercirikan budaya. Dengan itu, kesenian yang melambangkan warisan budaya Melayu tidak mendapat tempat di hati masyarakat dan ini boleh menyebabkan seni ukiran Melayu dan seni bina tradisi tidak dihargai.

Penggunaan seni ukiran Melayu ini sedikit sebanyak berlaku perbezaan dari segi fungsi. Ini adalah kerana terlalu banyak pengaruh barat yang dibawa masuk ke dalam negara Malaysia. Dengan itu, banyak kemungkinan akan berlakunya kehilangan karakter tempatan masing-masing dan keaslian warisan seni Melayu tidak lagi kelihatan. Penerapan ciri-ciri kesenian dari pengaruh luar boleh menimbulkan percanggahan falsafah seni Melayu. Merujuk kepada pengaplikasian seni ukiran



dalam seni bina ini, rekabentuk dan penggunaan konsep ukiran akan dikaji melalui elemen-elemen yang terhasil bagi melihat apakah konsep yang digunakan pada seni bina surau ini, walaupun berlaku perbezaan dan seni ukiran kini lebih berbentuk universal namun pengukir tetap merujuk kepada bentuk tradisi supaya pengekalan ciri tradisi itu dikekalkan. Mengikut Norhaiza Nordin dalam Seminar Seni Ukir Kayu Melayu, Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein yang bertajuk Pengaruh Dalam Reka Bentuk Corak dan Motif Seni Ukir kayu melayu, beliau mengklasifikasikan seni ukiran kayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Seni Ukiran Melayu Tradisi dalam bentuk Kontemporari dan Seni Ukiran Melayu Kontemporari. Seni Ukiran Melayu Tradisi dalam bentuk Kontemporari adalah merujuk kepada apa yang telah di mulakan oleh Nik Rashiddin dan diaplikasikan oleh pengukir sekarang mengikut zaman dan kehendak semasa tanpa menghilangkanan yang asal. Manakala seni ukir Melayu Kontemporari pula adalah seni yang mementingkan pada keperluan waktu itu





dan lebih kepada hiburan mata yang mana ia cantik dan indah apabila di lihat. Seni bina surau ataupun masjid merupakan salah satu seni bina yang masih mengekalkan reka bentuk dengan penggunaan warisan budaya Melayu iaitu seni ukiran. Di sini, penyelidik ingin melihat apakah motif atau reka bentuk yang dihasilkan oleh pengukir dan bagaimanakah ciri tradisi itu dikekalkan supaya reka bentuk yang melambangkan identiti dan estitika sebenar dikekalkan dalam seni bina masjid di Besut.

Menurut Zulkifli Hanafi pula, beliau berkata “Di dalam pembinaan bangunan tradisional, seni ukiran bukanlah sekadar unsur hiasan semata-mata tetapi mempunyai fungsi lain yang disepadukan pada bangunan”. Arus perkembangan dan pengaruh seni bina moden telah banyak mempengaruhi rupa bentuk bangunan-bangunan di Malaysia selepas kemerdekaan. Jika dahulu, keaslian sesebuah seni bina dan seni ukiran itu adalah kerana bahan yang digunakan iaitu kayu tetapi kini seni bina baru yang didirikan banyak menggunakan bahan binaan moden seperti batu-bata, konkrit, kaca dan logam. Sebagai contoh sebuah seni bina masjid yang juga merupakan mercu tanda di Besut telah menghiasi dinding bangunannya dengan corak dan motif tradisi seni ukiran menggunakan bahan konkrit. Faktor lain yang menyebabkan kurangnya penghayatan dan keaslian seni ukiran Melayu adalah disebabkan teknik pembinaan bangunan moden pula menggunakan teknologi yang canggih dan moden seperti mesin yang mempunyai kualiti dimana ia boleh menghasilkan produk yang lebih bermutu dari hasil buatan tangan. Contohnya seni ukiran, dengan menggunakan mesin yang berteknologi sesuatu ukiran boleh dihasilkan corak yang sama dengan buatan tangan tetapi ianya akan kelihatan kaku, keras dan mati serta tidak ada nilai-nilai kesenian yang asli dan tiada kewujudan rasa jiwa di dalamnya.





### 1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik mengetengahkan aplikasi seni ukiran Melayu dalam seni bina Surau Kayu Bandar Jerteh di Besut, Terengganu seperti:

1. Mengenalpasti konsep seni ukiran pada seni bina Surau Kayu di Besut.
2. Mengkaji elemen-elemen seni ukiran Melayu di Surau Kayu di Besut.
3. Menilai penerimaan dan penggunaan seni ukiran dalam reka bentuk surau.

### 1.4 Persoalan Kajian



05-4506832 Persoalan kajian yang perlu diteliti ialah:



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1. Apakah konsep reka bentuk ukiran yang digunakan dalam seni bina Surau Kayu di Besut?
2. Apakah elemen-elemen seni ukiran Melayu yang digunakan dalam seni bina surau kayu ini?
3. Bagaimanakah penerimaan dan penggunaan seni ukiran dalam seni bina surau kayu?



## 1.5 Kepentingan Kajian

Sejarah seni bina amat penting bagi professional dan ahli akademik kerana sejarah terbabit melibatkan perancangan dan reka bentuk bangunan, penentuan identiti warisan bangsa serta mampu memperkayakan ilmu tentang sesuatu bangsa. Kajian ini adalah untuk melihat konsep dan aplikasi seni ukiran Melayu berasaskan elemen seni ukiran, kegunaan, kesesuaian dan nilai-nilai estetik agar nilai penghayatan ke atas seni ukiran Melayu dapat ditingkatkan dalam masyarakat Melayu.

Hasil pemerhatian dibuat ke atas sebuah surau yang dikenali sebagai Surau Kayu di Besut sebagai tempat kajian. Ini adalah kerana reka bentuk Surau Kayu ini yang unik dan menarik serta terdapat pengaplikasian seni ukiran Melayu. Siasatan ke atas aplikasi seni ukiran dalam seni bina surau kayu ini untuk kajian kes akan dijalankan dengan menggunakan beberapa elemen seni ukiran. Elemen ini didapati daripada kajian lapangan di kawasan surau kayu dan juga daripada para pengukir yang terlibat dengan proses pembikinan seni ukir pada seni bina Surau Kayu tersebut. Elemen yang digunakan ini merupakan kaedah yang disarankan oleh Sabrizaa iaitu dinamakan sebagai 'kod S'. Tujauannya adalah untuk mengenalpasti motif bunga ukiran yang terdapat pada seni bina Surau Kayu serta beberapa lagi elemen yang disediakan iaitu nama objek, reka corak, komposisi, jenis ukiran, pola, kod bunga, kod daun dan sebagainya. Beberapa lokasi pada reka bentuk surau akan dikenalpasti elemen-elemen seni ukiran ini.



Kajian ini dijalankan dengan harapan dapat menarik minat serta menyedarkan masyarakat sekarang tentang warisan seni ukiran dalam seni bina masih kekal terpelihara hingga kini walaupun ada perubahan kearah kemodenan. Ia juga dapat mendorong minat masyarakat untuk lebih menghargai dalam bidang ini terutamanya generasi muda yang akan menjadi pewaris masa akan datang.

Sejarah seni bina perlu dipelajari oleh para pelajar seni bina dan para arkitek kerana bangunan yang dibina mempunyai aspek bahasa serta sesuatu bangsa pengguna yang berbeza-beza. Sejarah ini memainkan peranan dalam usaha memahami tamadun manusia silam. Bidang ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat semasa tentang nilai estetika pereka bentuk dan pengguna sesebuah bangunan. Lantaran itu, bidang ini juga dapat memperkayakan ilmu




tentang warisan seni melayu. (Tajuddin Rasdi, 2008).

Disamping itu juga kajian ini boleh menjadi panduan untuk lebih memahami tentang aplikasi seni ukiran dalam seni bina. Adalah menjadi harapan agar kajian ini dapat menyumbang kepada kajian-kajian yang lebih menyeluruh pada masa hadapan.



## 1.6 Kerangka Kajian

Rajah 1.2: Kerangka konsep kajian





## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR



Di dalam bab ini, penyelidik membincangkan tentang kajian literatur dan membahagikan kepada beberapa bahagian. Antara yang diketengahkan ialah sejarah dan latar belakang seni ukiran Melayu. Selain itu, konsep dan falsafah seni ukiran juga diambil kira bagi memahami tentang nilai estetika dan motif seni ukiran Melayu. Justeru, penyelidikan ini lebih meneliti ke arah pengaplikasian seni ukiran Melayu dalam seni bina masjid di Besut, Terengganu. Dengan itu, turut dihuraikan juga tentang reka bentuk seni bina tradisi Melayu dan juga reka bentuk masjid dunia.



## 2.2 Sejarah Seni Ukiran Melayu

Seni ukiran Melayu merupakan salah satu daripada tradisi kraftangan yang telah lama bertapak dalam sejarah ketamadunan Melayu yang mempunyai sejarahnya tersendiri sejak berabad-abad yang lalu. Tetapi sehingga kini agak sukar untuk menentukan siapa yang memulakan dan dari mana asalnya kerana tiada catatan yang jelas. Kegiatan seni ukiran sememangnya terkenal di kawasan Pantai Timur iaitu negeri Terengganu, Kelantan, Pahang dan mempunyai hubungan rapat dengan Pattani di Selatan Thai. Seni ukiran di Semenanjung Malaysia boleh ditelusuri semenjak zaman Batu Megalithik dengan penemuan motif-motif pada batu dalam bentuk naga dan rusa sehingga kepada penemuan motif dan kaligrafi pada batu-batu nisan yang menandakan zaman kedatangan Islam ke rantau sebelah sini. Manakala penemuan motif-motif pada meriam, keris, lembing dan cap mohor kerajaan lama menandakan kepandaian Melayu purba dalam menggunakan logam ketika zaman logam sehingga kepada era kedatangan Islam (Halim Nasir, 1987).

Semenanjung Malaysia telah mengalami beberapa tahap kefahaman dan kepercayaan agama. Setiap tahap kefahaman ini meresapi seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu. Halim Nasir (1986) telah membahagi perkembangan tahap kefahaman masyarakat Melayu kepada tiga tahap fahaman dan kepercayaan agama. Ianya merangkumi pertama fahaman animisme, kedua fahaman Hindu-Buddha dan ketiga fahaman Islam.